



PERSIDANGAN MEJA BULAT ULAMA ISLAM SEDUNIA MENGENAI BAITULMUQADDIS



Bebaskan Baitulmuqaddis walaupun ditekan pihak tertentu Umat Islam terus bangkit

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 27 JAN.

UMAT Islam akan terus bangkit dalam perjuangan membebaskan Baitulmuqaddis walaupun ditekan oleh pihak tertentu, tegas Naib Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Beliau berkata, kesedaran seluruh dunia meliputi negara-negara Islam dari benua ke benua akan terus kukuh dalam usaha menyelesaikan isu melibatkan Palestin.

"Kita dapat tahu ada usaha untuk memperkecilkan perjuangan Palestin. Mereka memperkecilkannya sehingga ke 'lubang biawak'. Namun mereka gagal untuk memberi alasan kukuh bagi mengetepikan isu Palestin sehingga dilupakan.

"Ini menunjukkan isu Palestin adalah isu semua pihak. Kita lihat hari ini pelbagai pihak seluruh negara telah bersatu di saf pertama berhadapan dengan pihak berkenaan," katanya dalam Majlis Pembukaan Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Kesatuan Ulama Islam Sedunia, Syeikh Dr. Ali Muhyealdin Al-Qaradaghi; Pengerusi Kesatuan



ABDUL HADI AWANG dan Syeikh Dr. Ali Muhyealdin Al-Qaradaghi (kiri) bersama sebahagian ulama dalam Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis di Putrajaya, semalam. - MINGGUAN/RASHID MAHFOF

Ulama Palestin Luar Negara, Sheikh Dr. Nawaf Takruri dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MyAqsa (MyAqsa), Dr. Noorazman Mohd. Samsuddin.

Lebih 100 ulama dari 30 negara menyertai persidangan berkenaan.

Abdul Hadi yang juga Presiden Pas berkata, pihaknya turut menghargai komitmen kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta pertubuhan bukan kerajaan dalam perjuangan

pembebasan Baitulmuqaddis.

Beliau berharap, semua pihak terus menggalas perjuangan tersebut dan sentiasa berada di jalan Allah.

Kata beliau, kepala 'tentera' pembebasan Baitulmuqaddis itu bermula di Palestin tetapi anggotanya datang dari pelbagai arah iaitu dari timur dan barat.

Tegas beliau, pihaknya tidak akan sekali-kali berundur dalam isu melibatkan Baitulmuqaddis

memandangkan ia merupakan isu agama yang besar melibatkan kiblat pertama umat Islam, tanah anbia dan tempat berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj.

"Sebab itu kita percaya bahawa isu Palestin merupakan isu Islam bukan sahaja untuk masyarakat Arab dan jauh sekali untuk kaum Yahudi. Ia adalah satu pengkhianatan besar jika Baitulmuqaddis terus dalam genggaman Zionis," katanya.

Kepemimpinan ulama selamatkan Baitulmuqaddis

PUTRAJAYA 27 Jan. - Penganjuran Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis akan menjadi titik tolak bagi dunia untuk melihat kepemimpinan ulama dalam isu Baitulmuqaddis.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MyAqsa (MyAqsa), Dr. Noorazman Mohd. Samsuddin berkata, ummah kini sedang dahagakan kepemimpi-

nan ulama dalam perjuangan pembebasan Palestin.

"Kita lihat ini akan menjadi sejarah dalam perjuangan membebaskan Palestin ke tahap lebih tinggi lagi. MyAqsa ditubuhkan untuk menggabungkan gerak kerja kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Jadi, kita harap persidangan ini membawa perjuangan baha-

ru untuk membebaskan Baitulmuqaddis dengan lebih berkesan dan praktikal," katanya ketika menyertai Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Noorazman berkata, meskipun menempuhi pelbagai halangan, persidangan tersebut tetap berjaya dianjurkan dengan izin Allah.

Halangan itu, kata beliau, termasuk penahan dua tokoh utama Baitulmuqaddis iaitu Timbalan Pengerusi Gerakan Islam Baitulmuqaddis, Dr. Kamal Khateeb serta Pengarah Harta Wakaf dan Akademi Warisan Masjid Al-Aqsa, Dr. Najeh Daod Ahmad Bkirat oleh rejim Zionis.

Mereka, kata beliau, sepatutnya menghadiri persidangan tersebut.

Gelombang rakyat bebaskan cengkaman Israel

PUTRAJAYA 27 Jan. - Gelombang rakyat untuk membebaskan Palestin daripada cengkaman Israel perlu digerakkan segera terutama selepas tindakan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel.

Pengerusi Kesatuan Ulama Palestin Luar Negara, Sheikh Dr. Nawaf Takruri berkata, peranan menggerakkan gelombang itu seharusnya dipimpin oleh golongan ulama di negara masing-masing.

Katanya, ulama berperanan besar dalam memberi tekanan di negara mereka dalam perjuangan membebaskan Palestin.

"Kami dari pihak kesatuan mempunyai harapan yang tinggi agar negara-negara Islam beri penekanan kepada pihak AS yang mencabul hak ummah. Kita patut gerakkan umat Islam seluruh dunia untuk bertindak dalam isu ini.

"Semua terletak di tangan kita sebagai umat Islam. Daripada persidangan hari ini, kita mahu himpunan ulama seluruh dunia digerakkan untuk perjuangan Palestin kerana ia penting pada Islam," katanya ketika menyertai Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis, di sini hari ini.

Beliau berharap persidangan hari ini dapat menghasilkan resolusi yang lebih praktikal dan berkesan dalam perjuangan membebaskan bumi Palestin daripada genggaman rejim Zionis.

Menerusi persidangan tersebut, jelas beliau, strategi-

Semua terletak di tangan kita sebagai umat Islam. Daripada persidangan hari ini, kita mahu himpunan ulama seluruh dunia digerakkan untuk perjuangan Palestin kerana ia penting pada Islam."

SHEIKH DR. NAWAF TAKRURI
Pengerusi Kesatuan Ulama Palestin Luar Negara

strategi baharu untuk membebaskan Baitulmuqaddis dapat dibincangkan oleh ulama-ulama yang hadir.

Kesediaan Malaysia untuk menganjurkan persidangan seumpama itu demi menghidupkan isu Palestin juga katanya, perlu menjadi contoh terbaik bagi pihak-pihak lain.

Beliau turut memanjangkan penghargaannya terhadap semua pihak yang terlibat dalam menjayakan persidangan berkenaan dan berharap usaha sedemikian dapat diteruskan.

"Isu Palestin adalah isu umat Islam dan memainkan peranan yang mendalam di sanubari kita. Ulama merupakan simbol bagi isu Palestin ini dan kita harap persidangan ini dapat memberi impak positif dalam perjuangan membebaskan Palestin," katanya.